

03/09/2003

Malam Puisi Perpaduan angkat martabat sastera

Hassan Omar

MALAM Puisi Perpaduan sempena Festival Sastera Perpaduan 2003 di Anjung Senja, berhadapan Hotel Promenade, Kota Kinabalu pada 23 Ogos lalu, menyerlahkan ketinggian nilai sastera Melayu yang kekal dicintai masyarakat rantau Nusantara.

Kehadiran penggiat seni dari Brunei Darussalam, Makasar, Aceh, Surabaya, Pontianak, Medan dan Pattani di samping pencinta seni pelbagai kaum negara ini, membuktikan puisi dan bahasa Melayu mampu menyatukan mereka.

Mereka berkumpul untuk mendeklamasi puisi, bertukar fikiran mengenai pelbagai bidang penulisan dan memperkukuhkan kerjasama antara negara bagi meningkatkan imej sastera sebagai wahana penyatu.

Ketua Satu Gapena, Prof Emeritus Tan Sri Ismail Hussein, yang hadir pada acara itu memberitahu Sastera dan Budaya bahawa beliau yakin Malam Puisi Perpaduan secara jelas memaparkan kejituan ikatan persaudaraan umat Melayu di rantau Nusantara.

"Di sini, bahasa Melayu digunakan sebagai mekanisme penyatuan sama ada sesama umat Melayu atau bukan Melayu. Sastera tetap bernilai dalam pembangunan negara dan puisi mampu memperkukuh ikatan perpaduan anggota masyarakat di negara ini dan negara luar," katanya.

Antara yang mendeklamasikan puisi penggiat seni dari Sabah, Ony Basalin, Kathirina Tati dan Ismail Bongsu, manakala penyair dari Sarawak, khususnya ahli Persatuan Penulis Utara Sarawak (Putera) ialah Paul Nanggang dan Clare Cinderella Kom.

Deklamator lain termasuklah Hasanuddin Darjo dari Aceh, Shafwan Hadi (Medan), Viddy Diany (Surabaya), Safrullah Sanre (Makasar) dan Nik Abdul Rakib Nik Hassan (Pattani) manakala penyair bukan Melayu yang turut mengambil bahagian ialah Uthaya Sankar.

Meskipun deklamator bebas memilih sajak untuk disajikan kepada penonton, termasuk Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri Sabah, Datuk Sapawi Ahmad, kebanyakan penyair cenderung memilih sajak bertemakan semangat kebangsaan sempena menyambut kemerdekaan negara.

Festival tiga hari anjuran Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sabah, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Gabungan Persatuan Penulis Nasional (Gapena) dan Majlis Bahasa dan Sastera Sabah (MBSS) bermula 22 Ogos diadakan sempena sambutan Bulan Kemerdekaan.

Bagi memeriahkan majlis, ada penyair turut menyampaikan lagu puisi yang diiringi petikan gitar, harmonika, gendang dan salah seorang daripada mereka, penyair dari Universiti Putera Malaysia (UPM), Aripin Said mendendangkan Angin sambil memukul kompang.

Penganjur juga tidak ketinggalan menjemput bekas penyandang juara Sayembara Deklamasi Puisi Kebangsaan, Nordin Ahmad, PWL (B) Thazali Mohd Elah, Hasnida Abdul Ghani dan Rose Baini Kassim untuk mendeklamasikan Perjuangan Yang Belum Selesaikarya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.